

# Isu Sabah, Sarawak boleh diselesaikan: PM

Pelabur tak perlu bimbang pertikaian Pusat dengan dua negeri Borneo

**Cyberjaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada pelabur bahawa pertikaian antara kerajaan dengan Sabah dan Sarawak mengenai beberapa isu boleh diselesaikan secara 'sama-sama menang'.

Justeru, Perdana Menteri berkata, pelabur tidak seharusnya bimbang dengan Sabah dan Sarawak, sebaliknya mereka harus melabur di kedua-dua negeri itu

kerana kedua-duanya mempunyai tadbir urus yang baik.

Beliau berkata, kerajaan Persekutuan dan pemimpin dari kedua-dua negeri dapat mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan isu berkenaan meskipun berlainan pentadbiran.

"Kita telah berunding dengan pemimpin di sana dan mereka sangat terbuka. Tuntutan itu dibuat oleh sesetengah pihak yang masih boleh dapat menyesuaikan diri mereka dengan sistem negeri-Persekutuan.

"Mereka masih mahu ada hak bersuara dalam segala-galanya, tetapi pemimpin negeri tidak seperti itu. Saya telah berbincang dengan mereka (pemimpin dari Sabah dan Sarawak) dan mereka bersetuju yang kita perlu menyelesaikan masalah ini menerusi rundingan dan

mencari penyelesaian sama-sama menang," katanya pada sesi dialog-anjuran Dewan Perniagaan dan Industri Perancis Malaysia (CCI-FM), di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya oleh seorang peserta dialog untuk memberikan penjelasan mengenai hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Sabah dan Sarawak, terutama mengenai isu berhubung tuntutan kenaikan royalti minyak, hak-hak Perjanjian Malaysia.1963 (MA63), penubuhan Petroleum Sarawak Bhd (PETROS), dan Lebuh Raya Trans-Borneo.

"(Bagi) Sabah, parti pemerintah, Warisan, mempunyai tiga ahli Kabinet dalam Kerajaan Persekutuan yang bermakna kita sebenarnya mempunyai hubungan rapat dengan mereka. Kita tahu apa yang mereka fikirkan," katanya.

BH - 11/2/2020 m/s: 3

Kedua-dua parti pemerintah Sabah dan Sarawak bukan ahli gabungan parti pemerintah pada peringkat Persekutuan. Parti pemerintah dibentuk daripada empat parti dari Semenanjung.

"Malaysia adalah sebuah Persekutuan. Negeri itu mentadbir sendiri dalam bahagian tertentu seperti tanah. Tetapi mereka berasakan bahawa mereka tidak mendapat amaun penuh wang daripada industri minyak. Kita bayar lima peratus (royalti) daripada pengeluaran minyak iaitu jumlah wang yang sangat besar.

"Mereka meminta 20 peratus. Jika kita berikan mereka (negeri pengeluar minyak) 20 peratus, PETRONAS akan tidak lagi berada dalam kalangan syarikat Fortune 500," katanya.

Dr Mahathir berkata Sarawak

 Saya telah berbincang

dengan mereka (pemimpin dari Sabah dan Sarawak) dan mereka bersetuju kita perlu menyelesaikan masalah ini menerusi rundingan dan mencari penyelesaian sama-sama menang.

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

adalah negeri terkaya di Malaysia dengan belanjawan RM11 bilion berbanding negeri lain.

"Ketaksamaan antara negeri perlu diperbetulkan. Jika kita memberikan lebih kepada Sabah dan Sarawak, perbezaan akan menjadi lebih buruk berbanding sekarang. Meskipun kita berbeza pendapat, kita boleh duduk berbincang bersama-sama dan menyelesaikan perbezaan ini," katanya.

BERNAMA